

Penduduk terpaksa pindah lagi!

86 mangsa banjir Kampung Parit 6 hadapi bah gelombang ketiga

■ SITI SAFA MOHD NOR

PARIT - Tidak sampai sebulan sebilangan penduduk Kampung Parit 6 sekali lagi berdepan dengan masalah banjir buat kali kedua sehingga mereka terpaksa berpindah ke pusat pemindahan.

Sebelum ini, seramai 55 mangsa banjir dipindahkan ke pusat pemindahan banjir di Surau Nurul Jannah pada 19 November lalu dan kelmariin seramai 86 mangsa banjir ke pusat pemindahan itu apabila paras air meningkat.

Penduduk, Khairul Anwar Othman, 32, berkata, itu adalah kejadian kali kedua sehingga memaksa keluarganya berpindah ke pusat pemindahan.

Menurutnya, kali pertama berlaku pada pertengahan bulan lalu menyebabkan dia sekeluarga terpaksa berpindah namun dibenarkan pulang pada keesokan hari.

"Pada kali ini air agak lambat surut dan kami berharap supaya cuaca bertambah baik bagi membantu mempercepat aliran air," katanya.

Khairul Anwar berkata, dia tidak menjangka kejadian



SITI AISYAH

banjir akan berlaku lagi dan persiapan untuk menghadapi banjir tidak sempat dilakukan.

Jelasnya, pada petang Jumaat lalu, hujan agak lebat namun, dia sekeluarga tidak menyangka paras air akan naik begitu tinggi.

"Kira-kira jam 3 pagi air mulai naik dan memaksa kami untuk berpindah. Barang-barang seperti almari tidak sempat untuk diletakkan di tempat tinggi.

"Paras air pada kali ini juga agak tinggi berbanding sebelum ini dan kami tidak pasti sampai bila ia akan berlarutan seperti ini," katanya.

Bagi penduduk, Siti Aisyah Mat, 52, dia juga tidak menjangka akan dilanda banjir se-



AHMAD SHAFIE

kali lagi kerana tali air di kampung itu sudah dibersihkan.

"Air masuk di dalam rumah saya hingga paras paha dan memaksa kami sekeluarga untuk berpindah ke pusat pemindahan," katanya.

Sementara itu, Ketua Kampung Paloh, Ahmad Shafie Osman berkata, kejadian banjir itu adalah kali ketiga berlaku na-



KHAIRUL ANWAR



Rumah penduduk yang dilanda banjir di Kampung Parit 6.

mun pada kali pertama paras air tidak begitu tinggi dan penduduk tidak perlu berpindah.

Beliau turut mendakwa air berkenaan datang dari Risda Bukit Kota ditambah pula dengan hujan lebat menyebabkan beberapa kawasan di Kampung Parit 6 dilanda banjir.

"Kami berharap pihak pengurusan

Risda Bukit Kota dapat membina takungan air atau empangan kecil untuk melepaskan air apabila perlu supaya tidak melimpah ke kawasan kampung," katanya.

Beliau faham air itu terpaksa dilepaskan memasuki kawasan kampung bagi mengelakkan tali air pecah.

Jelasnya, jika tali air pecah kemungkinan 75 peratus kawasan Kampung Parit 6 akan ditenggelami air.

"Jadi kami amat berharap

pihak berkaitan dapat mengambil tindakan sepatutnya terhadap masalah ini supaya penduduk tidak lagi menerima musibah banjir," katanya.

Ahmad Shafie berkata, segala keperluan mangsa banjir mencukupi sehingga kini kerana dibantu pelbagai agensi termasuk polis, bomba, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Rela, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM).